

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 20.02.2025 MASA: 12.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA TAMAN
VILLA CARNATION, BUKIT MINYAK**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 FEBRUARI 2025 (AHAD)
3.30 PETANG**

**TAMAN VILLA CARNATION, BUKIT MINYAK
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang yang penuh bermakna ini untuk menyaksikan **Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Taman Villa Carnation, Bukit Minyak.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Gooi Hsiao Leung, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tengah, atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa bagi merasmikan pusat kitar semula ini. Kehadiran Yang Berhormat amatlah bermakna dalam menyuntik semangat kepada kita semua dalam usaha memperkasakan agenda kelestarian alam sekitar.
3. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Tan Gee Chye selaku Pengerusi *Joint Management Body* (JMB) Taman Villa Carnation dan semua Ahli Jawatankuasa JMB Taman Villa Carnation yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan pusat kitar semula ini serta semua hadirin yang sudi meluangkan masa untuk turut serta dalam majlis yang penuh signifikan ini.

4. Program ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengasingan sisa di punca, di samping memperkenalkan kewujudan sangkar kitar semula kepada masyarakat, khususnya para penduduk di sekitar Taman Villa Carnation, Bukit Minyak. Penempatan sangkar kitar semula di lokasi ini adalah strategik kerana ia merupakan kawasan tumpuan orang ramai.
5. Pusat Kitar Semula Taman Villa Carnation, Bukit Minyak ini merupakan manifestasi kepada usaha kolektif dalam melestarikan alam sekitar. Inisiatif ini bukan sahaja menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan kitar semula, malah mendidik mereka tentang kepentingan pengasingan sisa di punca.
6. Dengan adanya pusat kitar semula ini, kita dapat meningkatkan kesedaran bahawa sisa kitar semula bukanlah sekadar bahan buangan, sebaliknya ia mempunyai nilai yang boleh menjana pendapatan serta memberi manfaat kepada komuniti setempat.
7. Program yang berlangsung pada hari ini turut merangkumi pelbagai aktiviti menarik seperti demonstrasi penghasilan barangan *upcycle* daripada bahan kitar semula, pameran kitar semula daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), serta taklimat khas mengenai kaedah pengasingan sisa di punca.
8. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memperkasa kefahaman masyarakat mengenai kepentingan amalan kitar semula serta impak negatif yang

akan berlaku sekiranya kita mengabaikan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

9. Lokasi strategik pusat kitar semula ini berupaya menarik lebih ramai penduduk untuk bersama-sama melaksanakan pengasingan sisa di punca. Ini selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang telah diperketatkan mulai Julai 2024. Justeru, menjadi harapan saya agar masyarakat dapat menyedari bahawa amalan kitar semula bukan sekadar tanggungjawab individu, tetapi satu keperluan untuk membentuk sebuah persekitaran yang lebih bersih, lestari dan sejahtera.
10. Diharapkan dengan adanya pusat kitar semula ini, kita dapat mencapai matlamat untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandaraya rendah karbon yang **Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar**. Marilah kita bersama-sama menanam iltizam dalam melaksanakan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar demi kesejahteraan generasi masa hadapan.
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terus menyokong usaha Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam menjayakan inisiatif hijau seperti ini. Juga, kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam menjayakan projek ini, terima kasih di atas komitmen dan kesungguhan yang telah diberikan. Semoga

segala usaha kita ini mendapat keberkatan dan membawa manfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***